

KERAJAAN NEGERI KELANTAN

PEKELILING PENGARAH TANAH DAN GALIAN, KELANTAN BIL. 4/2004

PEMBEKUAN PERMOHONAN PEMBANGUNAN TANAH-TANAH MILIK DI DALAM KAWASAN PEMBANGUNAN BANDAR BARU TUNJUNG

Pekeliling ini dikeluarkan adalah untuk memaklumkan kepada Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan berhubung dengan pembekuan sebarang permohonan pembangunan tanah-tanah milik yang terlibat dalam pembangunan Bandar Baru Tunjung, Jajahan Kota Bharu.

2. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan Bil. 22/2004 pada 18hb. November 2004 semasa menimbang Kertas MMK Bil. 22/1887/2004 (62) berhubung dengan “Cadangan Tindakan Untuk Membekukan Sebarang Permohonan Pembangunan Tanah Milik Di Dalam Kawasan Pelan Pembangunan Bandar Baru Tunjung” telah membuat keputusan bahawa sebarang permohonan pembangunan tanah di bawah Kanun Tanah Negara 1965 seperti permohonan ubah syarat, pecah sempadan dan lain-lain yang dikemukakan oleh pemilik-pemilik tanah di dalam kawasan pelan pembangunan Bandar Baru Tunjung hendaklah dibekukan. Langkah ini perlu diambil bagi memastikan bahawa perancangan pembangunan Bandar Baru Tunjung tidak terjejas dan dapat dilaksanakan dengan lebih lancar oleh Pihak Berkuasa Negeri.

3. Persidangan Majlis Mesyuarat Kerajaan yang sama juga telah membuat keputusan agar keputusan yang dinyatakan oleh perenggan 2 di atas berkuatkuasa serta merta dan dikuatkuasakan juga oleh Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat iaitu Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) dan Majlis Daerah Kota Bharu (MDKB).

4. Sehubungan dengan itu, Pentadbir-Pentadbir Tanah serta pihak-pihak yang terlibat hendaklah mengambil tindakan yang sewajarnya bagi melaksanakan keputusan Pihak Berkuasa Negeri tersebut.

.....
(Hj. Che Kamarulzaman bin Hj. Mohamed)
PENGARAH TANAH DAN GALIAN,
NEGERI KELANTAN

KEPADA:

Yang Amat Bahagia/Yang Amat Berusaha,
Semua Pentadbir Tanah Negeri Kelantan

SALINAN KEPADA:

1. YAB. Tuan Guru Dato' Menteri Besar Kelantan.
2. YB. Timbalan Menteri Besar Kelantan.
3. YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Kelantan.
4. YB. Penasihat Undang-Undang Negeri Kelantan.
5. YB. Pegawai Kewangan Negeri Kelantan.
6. YABrs. Dato' Pengarah UPEN
7. YABrs. Ketua Audit Negeri Kelantan.
8. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Kerajaan Tempatan)
9. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha Majlis Mesyuarat Kerajaan Kelantan.
10. YBrs. Ketua Penolong Setiausaha (Perumahan)
Pejabat Setiausaha Kerajaan Kelantan.
11. Yang DiPertua Majlis Perbandaran Kota Bharu
12. Yang DiPertua Majlis Daerah Kota Bharu

**PEJABAT PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI KELANTAN
BLOK 3, KOTA DARULNAIM
15576 KOTA BHARU.**

FAIL : PTG.KN.23/1/15 (63)

BERTARIKH :